

# KENYATAAN MEDIA

## AMP CIDB 2019: PENGAMAL MEDIA BERPELUANG MEMENANGI HADIAH WANG TUNAI BERJUMLAH RM90,000

**KUALA LUMPUR, 6 Mac:** Pengamal media tempatan di seluruh Malaysia sekali lagi berpeluang untuk memenangi hadiah lumayan bernilai keseluruhan RM90,000 dengan menyertai Anugerah Media Pembinaan (AMP) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) 2019.

Anugerah ini dianjurkan bersama Kementerian Kerja Raya (KKR) bagi memberi penghargaan kepada wartawan dan jurugambar yang komited dalam menyalurkan maklumat berkaitan dengan sektor pembinaan kepada rakyat Malaysia.

AMP CIDB 2019, yang dianjurkan buat kali ke-5, akan memberi pengiktirafan terhadap karya-karya kewartawanan pembinaan terbaik yang disiarkan dan diterbitkan mulai **31 Julai 2018 sehingga 30 Jun 2019**. Karya-karya penyertaan haruslah berkisar tentang sektor pembinaan berdasarkan empat teras strategik Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020, iaitu Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme, Kemampanan Alam Sekitar, Produktiviti serta Pengantarabangsaan.

“Media memainkan peranan yang amat penting dalam melaporkan dan memaklumkan kepada orang ramai mengenai inisiatif-inisiatif transformasi CITP yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia, menerusi Kementerian Kerja Raya (KKR) dan CIDB. Tahap kesedaran dan pengetahuan yang tinggi dalam kalangan segenap lapisan masyarakat akan menjadi pelengkap kepada inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh penggiat industri, sekaligus menyumbang kepada pertumbuhan industri pembinaan negara,” kata Dato’ Ir Ahmad ‘Asri Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia.

AMP CIDB 2019 dibahagikan kepada tiga kawasan liputan iaitu; Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Bagi setiap kawasan liputan, terdapat tiga kategori dipertandingkan yang mana para peserta berpeluang memenangi hadiah menarik berupa sijil penghargaan, trofi dan wang tunai sebanyak RM5,000 untuk pemenang pertama, kedua (RM3,000) dan ketiga (RM2,000) bagi setiap kategori.

Antara kategori-kategori AMP CIDB 2019 ialah:

1. **Anugerah Media Cetak (Berita & Rencana)**
2. **Anugerah Media Elektronik & Online Broadcasting (Berita & Dokumentari)**
3. **Anugerah Fotografi**

Para peserta bebas untuk menghantar karya-karya penyertaan mengikut kreativiti masing-masing sama ada dalam bentuk teks, audio, video atau foto yang memberi impak kepada industri pembinaan secara khususnya serta pembangunan negara secara amnya. Karya tersebut haruslah asli dan bukan diulang siar.

CIDB mengalu-alukan penyertaan seluruh warga Malaysia yang berkhidmat sebagai wartawan dan bekerja sepenuh masa dengan mana-mana organisasi media cetak, elektronik dan portal media yang dikitiraf Kementerian Penerangan serta berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Karya-karya penyertaan harus besertakan deskripsi dan borang penyertaan kepada Institut Akhbar Malaysia atau *Malaysian Press Institute* (MPI) selewat-lewatnya pada **30 Julai 2019**.

Maklumat lanjut dan borang penyertaan AMP CIDB 2018 boleh diperolehi di [www.mpi.my](http://www.mpi.my) dan [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my) atau berhubung terus dengan sekretariat penganjuran AMP CIDB 2018 di talian:

*Media : **Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak***

*Nama: En. Salman Husni Abdollah*

*Telefon : 03 8689 2717 / 2718*

*Email : [bukitledangmpi@yahoo.com](mailto:bukitledangmpi@yahoo.com)*

*Media : **Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak***

*Nama: Pn. Norlida Jamain*

*Telefon : 03 8689 2719*

*Email : [norlida\\_mpi@yahoo.com](mailto:norlida_mpi@yahoo.com)*

---

### **Mengenai CIDB**

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---

*Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:*

Abdul Rakis Santa    [rakis@cidb.gov.my](mailto:rakis@cidb.gov.my)            03-4047 7018 / 012-620 0360  
Noryani Ismail        [noryani@cidb.gov.my](mailto:noryani@cidb.gov.my)        03-4047 7027 / 019-285 6867

*Dikeluarkan bagi pihak CIDB oleh NagaDDB Tribal:*

**NagaDDB Tribal**

Putri Adlina            [putri.adlina@nagaddbtribal.com.my](mailto:putri.adlina@nagaddbtribal.com.my)            013 – 357 9055  
Kristine Yap            [kristine.yap@nagaddbtribal.com.my](mailto:kristine.yap@nagaddbtribal.com.my)            017 – 333 3637

#####



**PENYERTAAN KINI DIBUKA!**  
KEPADA MEDIA SEMENANJUNG MALAYSIA, SABAH & SARAWAK

**#AMP2019**

# ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN CIDB 2019

**TARIKH TUTUP PENYERTAAN**  
**30 JULAI 2019**

**KATEGORI & HADIAH :**

## 1. ANUGERAH MEDIA CETAK (BERITA & RENCANA)

PEMENANG PERTAMA  
RM 5,000  
+ SUJIL & TROFI

PEMENANG KEDUA  
RM 3,000  
+ SUJIL & TROFI

PEMENANG KETIGA  
RM 2,000  
+ SUJIL & TROFI

## 2. ANUGERAH MEDIA ELEKTRONIK & ONLINE BROADCASTING (BERITA & DOKUMENTARI)

PEMENANG PERTAMA  
RM 5,000  
+ SUJIL & TROFI

PEMENANG KEDUA  
RM 3,000  
+ SUJIL & TROFI

PEMENANG KETIGA  
RM 2,000  
+ SUJIL & TROFI

## 3. ANUGERAH FOTOGRAFI

PEMENANG PERTAMA  
RM 5,000  
+ SUJIL & TROFI

PEMENANG KEDUA  
RM 3,000  
+ SUJIL & TROFI

PEMENANG KETIGA  
RM 2,000  
+ SUJIL & TROFI

BORANG PENYERTAAN DI :

**<http://mpi.my>**

SEMUA PENYERTAAN PERLU DIHANTAR KE:  
**MALYSIAN PRESS INSTITUTE (MPI)**

**MAKLUMAT LANJUT HUBUNGI :**

EN. SALMAN HUSNI ABDOLLAH  
bukitlédangmpi@yahoo.com  
03 - 8688 2717 / 2718

PN. NORLIDA JAMAIN  
norlida\_mpi@yahoo.com  
03 - 8688 2719

